



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

BMS 2022 CIPTA KEJAYAAN TAHUN KELIMA PENGANJURAN

1. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2022 anjuran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah berlangsung selama sebulan mulai 1 Oktober 2022 hingga 31 Oktober 2022 yang lalu. Program ini telah dilaksanakan secara *on-ground event* pada 1 Oktober 2022 dan 2 Oktober 2022 serentak di 14 negeri seluruh negara. Ia turut diadakan secara dalam talian selama sebulan di peringkat negeri dan nasional. Pelbagai program dan pertandingan telah berlangsung yang disertai oleh ibu bapa dan anak-anak dari semua lapisan masyarakat.
2. Tahun 2022 merupakan tahun kelima PTPTN menganjurkan Bulan Menabung Simpan SSPN bersempena dengan Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun. Berdepan suasana ekonomi yang mencabar, menuntut masyarakat untuk mengamalkan pengurusan kewangan terancang serta perbelanjaan yang berhemah. Justeru itu, pelaksanaan BMS ini adalah antara salah satu pendekatan yang digunakan untuk membudayakan sikap menabung dan menyemai pengetahuan mengenai kewangan bagi melahirkan masyarakat yang celik kewangan.
3. BMS 2022 mencatatkan kejayaan dengan terimaan deposit Simpan SSPN berjumlah RM175.8 juta atau 117% berbanding sasaran awal sebanyak RM150 juta. Pencapaian kejayaan terimaan deposit Simpan SSPN yang dicatatkan jelas menunjukkan masyarakat Malaysia semakin celik kewangan dan mempunyai kesedaran untuk membuat penabungan demi masa depan.
4. BMS merupakan satu program berimpak tinggi yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu program promosi dalam usaha menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk penabungan dalam kalangan

masyarakat Malaysia. Pelbagai keistimewaan dan manfaat disediakan kepada pendeposit Simpan SSPN seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan maksimum RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen yang kompetitif, simpanan dijamin kerajaan dan patuh syariah. Ini juga jelas menunjukkan bahawa PTPTN sentiasa komited dalam usaha memacu perancangan kewangan jangka masa panjang untuk pendidikan tinggi anak-anak.

5. Menurut Pengerusi PTPTN, Dr. Apli Yusoff berkata “Berdasarkan kejayaan luar biasa kutipan deposit Simpan SSPN pada BMS 2022 yang melebihi sasaran, jelas menunjukkan bahawa setiap usaha dan strategi yang dirangka mendapat sokongan padu masyarakat Malaysia. Hal Ini membuktikan ibu bapa semakin cakna dengan pengurusan kewangan untuk pendidikan tinggi anak-anak dalam melahirkan generasi modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.”

6. PTPTN mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh masyarakat Malaysia di atas komitmen dan usaha yang ditunjukkan dalam membudayakan sikap menabung dengan memilih Simpan SSPN sebagai instrumen tabungan terbaik. PTPTN akan terus komited meningkatkan kesedaran masyarakat untuk terus menabung di dalam Simpan SSPN bagi mengurangkan kebergantungan ibu bapa kepada pinjaman pendidikan. PTPTN yakin usaha ini akan disokong oleh semua pihak bagi merealisasikan visi PTPTN sebagai Peneraju Tabung Pendidikan Tinggi Negara.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

23 Disember 2022